



AKHBAR
PILIHAN
PEMBAKA
PUTRA BRAND
AWARDS
2022



PENGUAT KUASA 'PAU' TAUKE BOT NELAYAN

KUTIP 'UFTI' DI TENGAH LAUT

Kegiatan sebilangan anggota penguat kuasa di laut 'memakan' rasuah untuk menutup pelbagai kesalahan yang kerap dilakukan pengusaha bot atau tekong nelayan tempatan, semakin serius.

Wang yang dikutip serendah RM200 hingga ribuan ringgit bergantung kepada peranan dan pangkat anggota berkenaan. **lapor Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil**

RM200

Anggaran nilai minimum suapan yang diberikan tauke bot besar kepada segelintir penguat kuasa yang tidak amanah.

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin dan Mohd Haris
Fadli Mohd Fadzil
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Ini bukan ‘rahsia’ dalam kalangan nelayan. Kegiatan segelintir mereka (agensi penguat kuasa di laut) ada kalanya tidak ubah seperti kongsi gelap yang mengutip wang perlindungan bulanan,” ujar seorang nelayan yang mahu dikenali sebagai Din, 40.

Dia yang sudah lebih 20 tahun menjadi awak-awak kapal nelayan kelas B sebelum bertukar kerjaya sebagai nelayan persisir pantai sekitar Kuala Perlis mengakui kegiatan rasuah membabitkan anggota agensi penguatkuasa sudah lama berlaku.

“Rasuah ini berlaku dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Ada yang dilakukan di darat (pindahan wang ke dalam akaun bank) dan ada yang berlaku (serahan duit) di laut.

“Ia bergantung juga bentuk kesalahan (dilakukan nelayan). Lagi besar kesalahan dilakukan maka lagi besar ‘ufti’ perlu dibayar,” katanya.

Menurutnya, terdapat pelbagai kesalahan yang kerap dilakukan pengusaha bot atau tekong nelayan tempatan antaranya melanggar syarat sah lesen, vesel digunakan pendaratang asing tanpa izin (Pati) selain bot menangkap ikan di zon tidak dibenarkan.

“Selain itu, banyak juga bot pukut tunda yang kerap kali menangkap ikan dengan menggunakan pukut tunda serta melanggar zon me-

menangkap ikan ditetapkan Jabatan Perikanan Malaysia.

“Semua kesalahan ini mengundang gejala rasuah apabila berlaku ‘tawar menawar’ bagi menyelesaikan kes tanpa dibawa ke mahkamah atau didakwa mengikut Akta Perikanan 1985,” katanya.

Sebagai contoh katanya, pernah berlaku sebelum ini seorang ‘tauke’ besar bot nelayan di Sitiawan, Perak, membayar ribuan ringgit kepada penguatkuasa bagi mengelak tindakan diambil terhadap 18 bot nelayan miliknya.

“Bukan semua penguat kuasa atau anggota agensi keselamatan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) atau Polis Marin yang mengambil rasuah. Hanya segelintir sahaja yang melakukannya namun ia menyebabkan nama

agensi ‘busuk’.

“Saya kenal ramai (anggota penguat kuasa) yang amanah dan jujur. Anggota terbabit menjalankan tugas dengan berintegriti dan menolak rasuah apabila ada yang menawarkan (wang).

“Ramai yang bersungguh-sungguh bertugas mematahkan penyeludupan rokok putih dan dadah selain mengambil tindakan terhadap bot nelayan asing yang mencero boh perairan negara.

“Malangnya ada juga yang ‘cari makan’ dengan menugut tauke kapal nelayan bermasalah. Dalam masa sama, ada juga pemilik kapal nelayan yang menawarkan suapan bulanan,” katanya.

Menurutnya, suapan diberikan ada kalanya serendah RM200 hingga ribuan ringgit

‘SALAM KAUT’ TENGAH LAUT

Gejala rasuah babit segelintir penguat kuasa, tauke bot besar gugat punca rezeki nelayan kecil

“Lagi besar kesalahan dilakukan maka lagi besar ‘ufti’ perlu dibayar”
Din

“Ramai juga ‘tauke’ yang lesen bot tamat tempoh memberikan rasuah”
Zainal

bergantung peranan dan pangkat anggota terbabit.

“Ada juga yang beri rasuah supaya pihak berkuasa mempercepatkan siasatan atau rayuan bagi mendapatkan kembali bot mereka yang ditahan kerana melakukan kesalahan,” katanya.

Seorang lagi nelayan mahu dikenali sebagai Zainal, 47, berkata, ada juga rasuah diberikan oleh tauke yang menggaji pendatang haram Rohingya, sebagai nelayan atau penjaga sangkar ikan.

Dia yang berkerja sebagai nelayan di Pulau Pinang memberitahu, tindakan dilakukan itu tidak ubah seperti penjenayah yang melindungi Pati.

Menurutnya, Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang pernah membuat aduan berhubung isu ini berikutan jumlah nelayan asing semakin meningkat di negeri itu.

“Malangnya tiada tiada tindakan tegas diambil bagi membendung nelayan asing yang semakin ramai terutamanya di Teluk Kumbang. Ada yang dakwa mereka membayar rasuah tapi tidak pasti kepada siapa.

“Selain itu, ramai juga ‘tauke’ yang lesen bot tamat tempoh memberikan rasuah kerana tidak mahu dikenakan hukuman lebih berat,” katanya.

Dia berkata, rasuah di laut juga berlaku terhadap bot nelayan yang menggunakan pukut tunda di kawasan zon diharamkan.

“Kasihannya pada nelayan persisir pantai apabila spesies ikan kecil seperti gelama, senangin, kerisi, selar, udang, ketam habis ‘disapu’ bersih pukut tunda.

“Akibatnya jumlah tangkapan semakin berkurangan akibat semuanya dikaut pukut tunda. Pukat ini me-

Rasuah ini berlaku dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Ada yang dilakukan di darat (pindahan wang ke dalam akaun bank) dan ada yang berlaku (serahan duit) di laut”

Din

rosakkan ekosistem laut, kawasan habitat ikan dan menjejaskan pendapatan nelayan tempatan,” katanya.

Menurutnya, sebelum ini beribu nelayan pesisir pantai di Kuala Perlis hilang mata pencarian selepas zon tangkapan mereka diceroboh bot pukut tunda.

“Hasil tangkapan mereka merosot lebih 50 peratus. Kebanyakan aktiviti haram ini dilakukan nelayan dari Kuala Kerpan Kedah, Bukit Malut Langkawi dan Thailand,” katanya.

BOT pukut tunda didakwa sering mencero boh kawasan nelayan pesisir pantai.



Pukat tunda jejas periuk nasi nelayan

Kuala Lumpur: Penggunaan pukat tunda secara tidak terkawal oleh bot besar tidak hanya menjejaskan mata pencarian nelayan kecil malah mengakibatkan kemusnahan teruk pada eko-sistem laut.

Penggunaan pukat tunda bukan sahaja merosakkan landskap dasar laut malah memerangkap dan membunuh sebahagian besar anak ikan atau benih spesies berkualiti seperti senangin, bawal, tenggiri dan sotong.

Penggunaan pukat tunda bukan sahaja merosakkan landskap dasar laut malah memerangkap dan membunuh sebahagian besar anak ikan atau benih spesies berkualiti seperti senangin, bawal, tenggiri dan sotong.

Presiden Persatuan Ekologi Malaysia (PEM), Profesor Ahmad Ismail menggesa operasi pemantauan dan penguatkuasaan lebih agresif oleh pihak berwajib perlu dilakukan bagi mengelakkan masalah penangkapan ikan berlebihan atau *over harvesting* ini berterusan.

"Jabatan perikanan mempunyai peraturan berkaitan perikanan bagi mengawal aktiviti perikanan pantai dan laut dalam bagi memastikan kelestarian sumber dan pendapatan nelayan itu sendiri.

"Jadi, gunalah pukat yang sesuai di tempat dibenarkan. Perkara ini ada dalam peraturan jadi harus dipatuhi semua. Pemantauan pihak berkuasa juga perlu di-



Gunalah pukat yang sesuai di tempat dibenarkan. Perkara ini ada dalam peraturan jadi harus dipatuhi semua. Pemantauan pihak berkuasa juga perlu dijalankan sentiasa

Ahmad Ismail

jalankan sentiasa bagi mengelak pencerobohan bot pukat tunda," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, masalah penangkapan berlebihan bukan isu ba-

haru, malah masalah itu menjadi topik perbincangan dalam sektor perikanan di seluruh dunia.

Sehubungan itu, beliau menggesa pihak berwajib supaya mempertingkatkan pemantauan dan operasi penguatkuasaan bagi menjamin tahap populasi ikan untuk jangka masa panjang.

Sebelum ini, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) turut menggesa Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menyiasat serta mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah pencerobohan bot pukat tunda di kawasan tangkapan nelayan pantai di Balik Pulau, Pulau Pinang.

Difahamkan bot pukat tunda dari Batu Maung, Pulau Pinang dan nelayan dari Pulau Pangkor, Perak kerap menjalankan aktiviti haram itu pada waktu malam.

CAP mendakwa kes itu gagal ditangani pihak berkuasa walaupun banyak aduan dibuat nelayan terbabit sejak berpuluh tahun lalu.



Tauke bot besar 'langgar' kawasan nelayan kecil

Kuala Lumpur: Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) menggesa tindakan segera diambil terhadap anggota agensi penguatkuasa yang disyaki 'menjaga' tauke bot nelayan besar.

Pengerusi Nekmat, Abdul Hamid Bahari berkata, pihaknya menerima banyak rungutan komuniti nelayan yang tidak berpuas hati apabila kawasan tangkapan ikan mereka kerap dicero-bohi kapal nelayan besar.

Menurutnya, tauke kapal nelayan itu yang mencero-bohi zon nelayan pesisir pantai tidak dikenakan tindakan walaupun berulang kali melakukan kesalahan.

"Benda busuk ini (rasuah) berlaku. Kami dapati ia tidak mustahil kerana ramai nelayan yang teraniaya mengadu.

"Memang wujud segelintir vesel nelayan tempatan yang mencero-bohi kawasan pesisir pantai dan merosakkan peralatan menangkap ikan milik nelayan pesisir pantai.

"Benda (kapal ceroboh) patut ditangkap (agensi penguatkuasa) tetapi tidak ditangkap. Ini memang sering berlaku. Tauke bot besar ini main 'langgar' saja kawasan nelayan lain sebab mereka ini 'dilindungi'," katanya.

Beliau yang dihubungi Metro Ahad memaklumkan tidak mustahil ada anggota agensi penguatkuasa di laut yang turut membocorkan maklumat operasi.

"Contohnya jika pihak berkuasa mahu buat operasi, tauke bot besar ini didapati tidak berada di kawasan yang kerap dimasuki.

Abdul Hamid berkata, sudah semestinya apabila disoal siasat, individu terbabit tidak akan mengaku memberi rasuah.

"Justeru saya menggesa tindakan segera diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menangani masalah sekian lama ini.

"Semua orang tahu benda ini (rasuah) memang berlaku. Bukan semua penguatkuasa buat (ambil rasuah) tetapi jika ada segelintir yang melakukannya pasti ia akan merosakkan nama jabatan.

"Kepada nelayan yang terbabit (memberi rasuah), saya minta tolonglah jadi lebih bertanggungjawab. Jangan sebab nak senang, mereka



Benda (kapal ceroboh) patut ditangkap (agensi penguatkuasa) tetapi tidak ditangkap. Ini memang sering berlaku. Tauke bot besar ini main 'langgar' saja kawasan nelayan lain sebab mereka ini 'dilindungi'"

Abdul Hamid

menyusahkan orang lain," katanya.

Menurutnya, dia mendapat maklumat ada nelayan yang sanggup menawarkan suapan tinggi kepada anggota penguatkuasa di laut apabila ditahan kerana melakukan kesalahan.

"Perbuatan itu dilakukan bagi mengelakkan bot mereka disita pihak berkuasa sehingga setahun jika didapati melakukan kesalahan berulang.

"Mereka (nelayan) bimbang bot di sita. Bila kena sita, mereka tak boleh bekerja. Nak beli bot baharu, kosnya mahal.

Sehubungan itu, beliau berharap tindakan segera diambil pihak berwajib dalam usaha menangani masalah yang sudah sekian lama membelenggu komuniti nelayan seluruh negara.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain berkata, ada nelayan tempatan di Pulau Pinang turut menjadi mangsa ugutan pemilik bot pukat tunda yang menggaji pekerja warga asing tanpa permit.

Menu-
rutnya,



Kami dah banyak kali membuat laporan namun tidak banyak perubahan berlaku. Saya bukan nak menuduh sesiapa. Namun jika dah ramai sangat (warga asing) mungkin adalah pihak yang menjadi 'payung' mereka"

Che Ani

pelbagai usaha diambil pihaknya bagi mengatasi masalah itu setakat bagaimana-napun masih belum membuahkan hasil.

"Kami dah banyak kali membuat laporan namun tidak banyak perubahan berlaku. Di Pulau Pinang masih ramai pendatang asing yang jadi nelayan.

"Saya bukan nak menuduh sesiapa. Namun jika dah ramai sangat (warga asing) mungkin adalah pihak yang menjadi 'payung' mereka," katanya.

Beliau berkata, tidak cukup dengan itu, ada segelintir pemilik bot pukat tunda tempatan mengupah samseng untuk melindungi nelayan asing yang mengendalikan kapal milik mereka.

Che Ani yang sudah menjadi nelayan lebih dari empat dekad memberitahu, selain mengganggu periuk nasi nelayan tempatan, lambakan pendatang asing di sekitar jeti dan perkampungan nelayan menyebabkan peningkatan aktiviti jenayah terutama berkaitan dadah.

"Saya berharap SPRM dapat siasat pihak berkuasa yang melindungi mereka supaya isu ini tidak berlanjutan," katanya.

Ramai pendatang asing jadi nelayan di Pulau Pinang